

SPESIFIKASI TEKNIKAL

SEBUTHARGA BIL. 6/2022

PERKHIDMATAN PENAKSIRAN PERCUKAIAN TAHUN 2010 HINGGA TAHUN 2021

OBJEKTIF PROGRAM

- Mengemukakan Borang C1 di mana ianya adalah merupakan penyata dan pengiraan cukai di bawah seksyen 77A dan 77A(3) Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967). Pengiraan cukai perlu dilaksanakan secara terperinci bagi mendapatkan jumlah cukai sebenar yang dikenakan dengan mengambil kira pelepasan dan pengecualian yang sedang berkuatkuasa dan layak diterima oleh SME Corp. Malaysia.

SKOP PERKHIDMATAN

TAX RETURN

- Menyediakan borang cukai C1 dan mengemukakan penyata cukai di mana kerja yang perlu dilaksanakan termasuk penyediaan dan persediaan perkara pengiraan cukai, lampiran atau jadual sokongan dan lembaran kerja mengikut tahun taksiran daripada tahun 2010 sehingga 2021.
- Memohon kredit cukai ditolak daripada bayaran ansuran atau bayaran ansuran separa untuk tahun taksiran berikutnya dan berhubung dengan LHDN untuk kelulusan.

TAX ESTIMATES

- Menyedia dan mengemukakan Borang CP 204 dan Borang CP204A (jika perlu) bagi tahun taksiran 2022 berdasarkan anggaran cukai yang perlu dibayar yang disediakan oleh Perbadanan. Kerja-kerja ini adalah termasuk memberi khidmat nasihat Perbadanan mengenai bayaran ansuran secara bulanan dan tarikh akhir atau tempoh masa pembayaran perlu dilaksanakan.

LAIN – LAIN PERKHIDMATAN

- Pengumpulan dokumen ke LHDN untuk tujuan pengauditan.
- Menyediakan dan mengemukakan permohonan untuk insentif cukai kepada pihak berkuasa cukai, jika perlu.
- Menghadiri sebagai wakil Perbadanan bagi menjawab isu-isu percukaian yang dibangkitkan oleh LHDN.
- Mendapatkan persetujuan daripada LHDN berhubung dengan liabiliti cukai untuk tahun semasa dan tahun-tahun sebelumnya.
- Permohonan mendapatkan lebihan bayaran cukai (jika ada)
- Memberi peringatan dan nasihat mengenai cukai Perbadanan dari masa ke semasa.
- Menyedia dan mengemukakan Penyata Majikan (Borang E).

JADUAL PELAKSANAAN PERKHIDMATAN PERCUKAIAN

- Perkhidmatan percukaian ini akan dijalankan dalam tempoh 7 bulan merangkumi kerja-kerja penyediaan tax return, penyediaan tax estimates dan lain-lain perkhidmatan.

SYARAT-SYARAT LAIN

- Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan yang masih sah laku dalam kod bidang bersesuaian iaitu 221101.
- Pemilihan penyedia perkhidmatan akan dibuat berdasarkan pematuhan kepada semua kriteria dan butiran perkhidmatan yang ditetapkan di Skop Khusus Perkhidmatan di bawah.
- Keutamaan akan diberikan kepada syarikat berstatus Bumiputera yang berpengalaman dalam mengendalikan dan melaksanakan perkhidmatan.
- Diiktiraf dan diluluskan sebagai ejen percukaian oleh Menteri Kewangan mengikut seksyen 153(3), Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967.
- Penyedia perkhidmatan mesti mempunyai keupayaan kewangan yang kukuh dan berkemampuan daripada aspek kewangan untuk melaksanakan Sebutharga ini.
- Pihak SME Corp. Malaysia berhak menamatkan kontrak yang diberi kepada penyedia perkhidmatan pada bila-bila masa sekiranya penyedia perkhidmatan:
 - tidak memenuhi Skop Perkhidmatan yang telah dipersetujui
 - tidak memenuhi Kualiti dan Spesifikasi Perkhidmatan
 - tidak mematuhi Jadual Pelaksanaan Perkhidmatan yang ditetapkan
 - tidak mematuhi Akta Rahsia Rasmi 1972 dan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.
- Sekiranya penyedia perkhidmatan gagal melaksanakan perkhidmatan dalam tempoh dan/atau kualiti yang ditetapkan, SME Corp. Malaysia berhak membatalkan pesanan yang dikeluarkan dan/atau mengenakan *Liquidated & Ascertained Damages* (LAD) berdasarkan formula berikut:
 - $(BLR + 1\%) \times (\text{Nilai Kontrak} / 365) \times (\text{bilangan hari lewat melaksanakan skop perkhidmatan})$
- SME Corp. Malaysia berhak melantik mana-mana pihak ketiga bagi menyiapkan perkhidmatan yang gagal disiapkan atau tidak memenuhi spesifikasi serta kualiti yang ditetapkan, dengan kos terlibat ditanggung oleh penyedia perkhidmatan yang ditawarkan sebutharga ini.

PERKHIDMATAN PENAKSIRAN PERCUKAIAN TAHUN 2010 HINGGA TAHUN 2021

NO.	SKOP KERJA DARI SME CORP. MALAYSIA	TANDAKAN (✓ ATAU X) BAGI SKOP KERJA DIPERSETUJUI	MAKLUMAT LANJUT / CADANGAN (PROPOSAL)
1.	<p>PENGURUSAN PERKHIDMATAN</p> <p>1.1 Bertanggungjawab untuk melaksanakan tugas dan menyelaras secara keseluruhan percukaian seperti berikut :</p> <p>1.1.1 Memastikan sumber tenaga yang mencukupi dan profesional untuk bertugas ; dan</p> <p>1.1.2 Berpengalaman dalam urusan dalam penyediaan dokumen-dokumen yang berkaitan.</p>	<input type="checkbox"/>	
2.	<p>MENGENDALIKAN PERKHIDMATAN PERCUKAIAN</p> <p>2.1 Bertanggungjawab untuk menyediakan borang cukai C1 dan mengemukakan penyata cukai bagi pihak Perbadanan secara tahunan mengikut tahun taksiran dari tahun 2010 sehingga 2021 termasuk penyediaan dan penyiapan perkara berikut :</p> <p>a. Pengiraan Cukai</p> <p>b. Lampiran atau Jadual Sokongan ; dan</p> <p>c. Lembaran Kerja</p> <p>2.2 Bertanggungjawab untuk penyerahan Borang Cukai (C1) untuk suatu tahun taksiran dan atas permintaan Perbadanan, untuk memohon kredit cukai ditolak daripada bayaran ansuran atau bayaran ansuran separa untuk tahun taksiran berikutnya atau berhubung dengan LHDN untuk kelulusan.</p>	<input type="checkbox"/>	

NO.	SKOP KERJA DARI SME CORP. MALAYSIA	TANDAKAN (✓ ATAU X) BAGI SKOP KERJA DIPERSETUJUI	MAKLUMAT LANJUT / CADANGAN (PROPOSAL)
	<p>2.3 Bertanggungjawab untuk menyedia dan mengemukakan Borang CP 204 dan Borang CP 204A (jika perlu) bagi tahun taksiran 2022.</p> <p>2.4 Bertanggungjawab untuk membuat rayuan dan susulan kepada pihak LHDN berkaitan dengan isu-isu yang dibangkitkan sehingga selesai.</p> <p>2.5 Bertanggungjawab untuk lain-lain perkhidmatan seperti berikut :</p> <ul style="list-style-type: none"> 2.5.1 Pengumpulan dokumen ke Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) untuk tujuan penaksiran. 2.5.2 Menyediakan dan mengemukakan permohonan untuk insentif cukai kepada pihak berkuasa cukai, jika perlu. 2.5.3 Mendapatkan persetujuan atau pengesahan daripada Perbadanan sebelum mengemukakan sebarang penaksiran kepada LHDN. 2.5.4 Menghadiri sebagai wakil Perbadanan bagi menjawab isu-isu percukaian yang dibangkitkan oleh LHDN. 2.5.5 Mendapatkan persetujuan daripada pihak LHDN berhubung dengan liabiliti cukai untuk tahun semasa dan tahun-tahun sebelumnya. 2.5.6 Permohonan mendapatkan lebihan bayaran cukai. 2.5.7 Memberi peringatan dan nasihat mengenai cukai Perbadanan dari masa ke semasa. 2.5.8 Menyedia dan mengemukakan Penyata Majikan (Borang E). 2.5.9 Lain-lain perkhidmatan yang dipersetujui bersama. 	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>	

NO.	SKOP KERJA DARI SME CORP. MALAYSIA	TANDAKAN (✓ ATAU X) BAGI SKOP KERJA DIPERSETUJUI	MAKLUMAT LANJUT / CADANGAN (PROPOSAL)
3	<p>HAL-HAL LUAR JANGKA</p> <p>Bertanggungjawab untuk memastikan bahawa Penyebutharga berkemampuan melaksanakan perubahan / pindaan yang berkaitan dengan skop kerja berdasarkan arahan SME Corp. Malaysia dari semasa ke semasa.</p>	<input type="checkbox"/>	

(SILA PASTIKAN SEMUA RUANGAN TELAH DITANDAKAN (✓ / x) BESERTA CATATAN SEBAGAI TANDA BAHAWA PENYEBUTHARGA BERSETUJU UNTUK MEMENUHI SPESIFIKASI YANG DINYATAKAN)

NOTA PENTING :

1. Penyebutharga bertanggungjawab untuk memastikan bahawa Penyebutharga berkemampuan melaksanakan perubahan / pindaan yang berkaitan dengan skop kerja berdasarkan arahan SME Corp. Malaysia dari semasa ke semasa. Kegagalan Penyebutharga untuk memenuhi mana-mana skop kerja yang dipersetujui dan ditetapkan akan menjelaskan proses pembayaran kepada Penyebutharga setelah projek selesai.
2. Penyebutharga hanya dibenarkan berurusan dengan pegawai SME Corp. Yang bertanggungjawab dengan urusan kerja / peranan Penyebutharga sepanjang tempoh program. Ini bagi mengelakkan kekeliruan / ketidaktentuan dalam proses menguruskan serta melaksanakan sesuatu perkara / urusan selaras dengan arahan yang diberikan oleh SME Corp. Malaysia.
3. Penyebutharga perlu bekerjasama dengan semua pihak yang dilantik oleh SME Corp. Malaysia sepanjang Perkhidmatan Percukaian berlangsung.

** sila nyatakan di ruangan ini untuk maklumat lanjut / tambahan berkaitan tawaran yang dikemukakan atau kemukakan kertas cadangan tambahan jika ruang tidak mencukupi*

Saya / Kami memperakui maklumat yang diberikan adalah benar dan bersetuju menyediakan perkhidmatan dinyatakan selaras dengan terma & syarat dalam dokumen Sebutharga Bil. 6/2022.

.....
Nama :
Jawatan :
Tarikh :
Cop Syarikat :